Banjir di Johor, Pahang beransur pulih

Oleh YULPISMAN ASLI

KUALA LUMPUR 17 Jan. – Banjir di Johor dan Pahang beransur pulih dengan bilangan mangsa yang masih ditempatkan di pusat pemindahan terus berkurangan.

Di **JOHOR**, bilangan mangsa yang berada di pusat pemindahan menurun kepada 67,776 orang membabitkan 200 pusat berbanding 80,755 dengan 241 pusat yang dicatatkan sehingga pukul 8 malam tadi.

Menurut jurucakap Bilik Gerakan Banjir, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor, cuaca yang baik hari ini membolehkan ramai mangsa banjir pulang ke rumah.

Beliau berkata, mangsa yang masih tinggal di pusat pemindahan adalah di Batu Pahat seramai 45,382 orang, Kota Tinggi (13,818), Kluang (2,969), Mersing (1,818), Johor Bahru Selatan (532), Segamat (569), Muar (597), Pontian (2,091) manakala kesemua 199 mangsa di Johor Bahru Utara dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

"Daerah Kota Tinggi yang terputus hubungan akibat limpahan air Sungai Johor sejak Jumaat lalu juga semakin pulih," katanya.

Jurucakap itu berkata, keadaan banjir yang belum surut sepenuhnya menyaksikan beberapa jalan masih ditutup khususnya kepada kenderaan ringan.

Di Kota Tinggi, jalan yang masih ditutup ialah KM24 Jalan Mawai-Sedili, KM40 Kota Tinggi-Johor Baharu, KM23 Jalan Ulu Tiram-Kota Tinggi, KM32 Bandar Tenggara-Kulai, Jalan Tun Sri Lanang-Bandar Kota Tinggi, Jalan Mawai-Mersing membabitkan Batu 7,13,14,15,18 dan 20.

Sementara di Johor Bahru, jalan terbabit ialah Kampung Oren, Jalan Kulai-Kota Tinggi dan KM22 Jalan Ulu Tiram-Kota Tinggi berhampiran Pusat Latihan Asas Tentera Darat (Pulada).

Di Kluang, jalan yang ditutup melibatkan KM56 dan KM57 Jalan Kluang-Kota Tinggi, Jalan Kahang-Taman Negara, Ladang Selai dan Jalan Kluang-Yong Peng, manakala di Segamat melibatkan Jalan Chaah-Yong Peng dan Jalan Labis-Muar.

Di Batu Pahat pula, katanya, jalan yang ditutup ialah Jalan Sri Pasir-Sri Medan yang hanya boleh dilalui kenderaan berat, Jalan Parit Raja Darat-Jalan Sungai Rambut, Jalan Yong Peng-Parit Sulong, Jalan Batu 7-Kangkar Baru-Paloh, Jalan Sengkuang-Jalan Seri Bengkal dan KM3 hingga KM6 Jalan Yong Peng-Labis.

Sementara di Mersing melibatkan KM23 Jalan Felda Nitar-Kluang, Jalan Sungai Lamoko dan Jalan Bulang-Endau.

Di **PAHANG**, banjir di daerah Rompin beransur pulih apabila tiga lagi pusat pemindahan ditutup pagi ini.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Ibu Pejabat Kontinjen Polis Pahang berkata, seramai 1,741 mangsa banjir ditempatkan di pusat pemindahan berbanding 1,836 orang malam tadi.

Beliau berkata, hanya enam pusat pemindahan yang masih dibuka bagi menempatkan mangsa dari enam kampung yang terjejas.

Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) meramalkan kedua-dua negeri terbabit akan mengalami hujan renyai-renyai, kadangkala sederhana di beberapa kawasan mulai esok sehingga Sabtu ini.

Menurut JMM, ribut petir serta hujan pada lewat petang dijangka berlaku di Selangor, Kuala Lumpur, Melaka dan Negeri Sembilan lewat petang hari ini.

Sementara, hujan monsun sederhana pula dijangka melanda Sabah mulai esok sehingga hujung minggu ini.

Jabatan itu turut mengeluarkan amaran angin kencang timur laut selaju 40 hingga 50 kilometer sejam dan laut bergelora dengan ombak setinggi 3.5 meter di perairan Pantai Timur Semenanjung, Sarawak dan Sabah sehingga Jumaat ini.

Mangsa dan pusat pemindahan banjir di Johor sehingga pukul 8 malam tadi

Daerah	Jumlah Mangsa (orang)	Jumlah Keluarga	Jumlah Pusat Pemindahan
Johor Bahru	532	154	4
Batu Pahat	45,382	10,299	118
Segamat	569	129	8
Pontian	2,091	534	9
Kota Tinggi	13,818	3,116	35
Muar	597	145	6
Mersing	1,818	403	8
Kluang	2,969	569	12
JUMLAH	67,776	15,349	200